

13/09/1997

Bersedia menghadapi alaf baru

PADA 6 Mei 1996, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7), 1996-2000 bertujuan menyedia dan membawa negara ke alaf baru.

Rancangan berkenaan menekankan strategi ke arah mengekalkan pertumbuhan ekonomi pesat dan memastikan faedah pertumbuhan ekonomi dinikmati bersama semua rakyat Malaysia.

RM-7 mengekalkan konsep pembangunan berimbang yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Keenam, dengan perubahan strategi daripada pertumbuhan berasaskan input kepada berasaskan produktiviti.

Strategi baru itu membabitkan peningkatan inisiatif pengurusan pentadbiran sumber dengan matlamat mewujudkan produktiviti yang lebih tinggi oleh kedua-dua sektor awam dan swasta.

Usaha tambahan juga dibuat untuk mengukuhkan asas sumber manusia negara dengan meningkatkan pelaburan dalam latihan dan pendidikan.

Pengkhususan terhadap pengeluaran skala besar untuk eksport juga akan diamalkan oleh sektor perindustrian negara - langkah yang tepat untuk Malaysia menguasai pasaran global.

Dalam RM-7, ekonomi negara dijangka meningkat pada kadar purata lapan peratus setahun. Sektor pertumbuhan utama dijangka pembuatan (10.7 peratus), perkhidmatan (8.4 peratus) dan pembinaan (10.2 peratus).

(END)